

BORROW WISELY

BIJAK MEMINJAM

Diterbitkan oleh



BORROW WISELY

BIJAK MEMINJAM



BORROW WISELY BIJAK MEMINJAM



Berikut adalah beberapa soalan yang sering ditanya oleh para peminjam:

Penting bagi anda hanya meminjam jumlah wang yang anda boleh bayar balik sahaja.

Anda harus pertimbangkan perkara-perkara berikut sebelum meminjam wang daripada pemiutang berlesen:

- Jangan sekali-sekali meminjam wang untuk melunaskan hutang yang lain.
- Jika anda tidak boleh memenuhi syarat-syarat perjanjian pinjaman wang, yuran pembayaran lewat dan faedah akan menjadi satu beban kewangan bukan sahaja kepada diri anda tetapi juga kepada keluarga anda.
- Pastikan anda betul-betul faham syarat-syarat perjanjian itu, terutamanya sekali, jadual pembayaran balik, kadar faedah yang dikenakan dan yuran-yuran berkaitan.

2. APAKAH KADAR FAEDAH YANG BOLEH DIKENAKAN OLEH PEMIUTANG?

Para pemiutang dikehendaki mengira dan memberitahu kepada anda Kadar Faedah Efektif (EIR*) yang akan dikenakan sebelum pinjaman diluluskan. Jika pendapatan tahunan anda kurang daripada \$30,000, kadar faedah yang boleh dikenakan oleh para pemiutang, bagi kedua-dua pinjaman bercagar dan tanpa cagar, adalah dihadkan kepada:

- > 13% EIR bagi pinjaman bercagar; dan
- > 20% EIR bagi pinjaman tanpa cagar.

Jika pendapatan tahunan anda adalah \$30,000 atau lebih, anda tidak tertakluk kepada syarat-syarat tersebut dan kadar faedah hendaklah dipersetujui antara pemiutang dan anda.

*Lungsuri www.ipto.gov.sg untuk mengetahui lebih lanjut bagaimana EIR dikira.

1. BERAPA BANYAK WANG YANG BOLEH SAYA PINJAM?

Bagi pinjaman bercagar, anda boleh meminjam sebarang jumlah. Bagi pinjaman tanpa cagar, anda boleh mendapatkan pinjaman:

- > Sehingga \$3,000, jika pendapatan tahunan anda kurang daripada \$20,000;
- > Sehingga 2 bulan gaji bulanan, jika pendapatan tahunan anda adalah \$20,000 atau lebih tetapi kurang daripada \$30,000;
- > Sehingga 4 bulan gaji bulanan, jika pendapatan tahunan anda adalah \$30,000 atau lebih tetapi kurang daripada \$120,000; dan
- > Sebarang jumlah, jika pendapatan tahunan anda adalah \$120,000 atau lebih.

3. APAKAH YURAN-YURAN YANG BOLEH DIKENAKAN OLEH PARA PEMIUTANG?

Para pemiutang hanya dibenarkan mengenakan enam jenis yuran:

- > Kelewatan pembayaran balik;
- > Variasi ke atas syarat-syarat perjanjian pinjaman;
- > Setiap cek tendang yang dikeluarkan oleh anda;
- > Setiap potongan GIRO yang gagal daripada akaun bank anda sebagai pembayaran kepada pemiutang;
- > Penebusan awal ke atas pinjaman atau penamatan awal perjanjian; dan
- > Kos guaman yang ditanggung untuk mendapatkan semula wang yang dipinjam.

Lain-lain yuran tidak dibenarkan, dan dari itu, pemiutang tidak boleh menguatkuasakan semua ini.

4. BAGAIMANA SAYA BOLEH TAHU SAMA ADA PEMIUTANG ITU BERLESEN ATAU TIDAK?

Periksa senarai pemiutang berlesen di www.ipto.gov.sg. Anda harus ambil perhatian sekiranya pemiutang:

- > Menggunakan bahasa kesat, atau berkelakuan dengan cara yang mengancam keselamatan anda;
- > Meminta Pengenalan Pengguna SingPass anda dan / atau kata laluan anda;
- > Meminta untuk menyimpan Kad Pengenalan anda atau lain-lain dokumen pengenalan peribadi anda (misalnya lesen memandu, pasport atau kad ATM);
- > Meminta anda menandatangani Nota Perjanjian yang kosong atau yang tidak lengkap untuk pinjaman itu;
- > Memberi anda pinjaman tanpa memberikan satu salinan Nota Perjanjian untuk pinjaman itu dan / atau tidak menjelaskan dengan betul semua terma dan syaratnya;
- > Menahan sebahagian wang pokok pinjaman atas apa sebab sekalipun; dan
- > Menggunakan nombor telefon bimbit sebagai nombor perhubungan perniagaan mereka.

Amalan-amalan sedemikian tidak boleh diterima. Sekiranya anda menghadapinya, anda seharusnya jangan meminjam daripada pemiutang itu dan laporkannya kepada Pejabat Pendaftaran Pemiutang Wang, dan sertakan maklumat seperti nama perniagaannya dan nombor lesen serta nombor untuk menghubunginya.

5. BAGAIMANA SAYA BOLEH TAHU SAMA ADA SESUATU IKLAN ITU ADALAH DARIPADA PEMIUTANG BERLESEN?

Pemiutang berlesen boleh meletakkan iklan hanya di:

- > Buku panduan perniagaan atau panduan pengguna (misalnya Yellow Pages);
- > Lelaman web milik pemiutang itu; dan
- > Iklan yang diletak di dalam atau di luar ruang perniagaan permiutang itu.

Semua saluran lain tidak dibenarkan.

6. APAKAH SAYA HARUS BUAT SETELAH DIBERI PINJAMAN?

- > Pastikan pemiutang memberi anda jumlah penuh wang pokok pinjaman seperti yang dinyatakan dalam Nota Perjanjian. Pemiutang berlesen dilarang mengambil bayaran balik atau sebarang yuran ke atas pinjaman lebih awal.
- > Pemiutang mesti memberi anda resit yang bertarih dan ditandatangani setiap kali anda membayar balik pinjaman anda atau membayar sebarang yuran secara tunai. Anda harus periksa dan pastikan bahawa segala butiran (misalnya nama, jumlah dan tarikh) adalah betul.
- > Anda harus menerima penyata akaun untuk semua pinjaman anda sekurang-kurangnya sekali dalam setiap enam bulan. Harap periksa bahawa semua butiran (misalnya nama, jumlah dan tarikh) adalah betul.
- > Simpan semua penyata akaun dan resit bayaran sebagai bukti bahawa anda membayar balik hutang.

7. BAGAIMANA SAYA BOLEH MEMBUAT ADUAN TERHADAP PEMIUTANG?

- > Anda boleh menghubungi Pejabat Pendaftaran Pemiutang Wang di talian: 6325 1500 atau emel: ipto_romp@ipto.gov.sg.
- > Pejabat Pendaftaran Pemiutang Wang tidak akan mendedahkan butiran anda kepada pemiutang tanpa izin anda. Segala aduan terhadap pemiutang diambil secara serius dan Pejabat Pendaftaran Pemiutang Wang akan menjalankan siasatan rapi.

